

BANK ISLAM PERKENAL KAD KREDIT-I MASTERCARD INSPIRE

Memperkasakan Generasi Professional Muda Masa Hadapan

KUALA LUMPUR, Jumaat, [27 September 2024]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) memperkenalkan Kad Kredit-i Mastercard Inspire, kad kredit patuh Syariah yang direka khusus untuk golongan profesional muda. Dibangunkan dengan kerjasama Mastercard, kad inovatif ini menawarkan manfaat eksklusif bagi membantu graduan dan individu yang baru memulakan kerjaya untuk menguruskan kewangan mereka dengan lebih efisien.

Menampilkan rekaan minimalis, kad terbaharu ini boleh didapati dalam empat pilihan warna menarik yang pasti berpadanan dengan gaya individu. Dengan 94% daripada kad ini menggunakan material berasaskan tumbuh-tumbuhan, ia juga merupakan satu pilihan mesra alam.

Ketua Pegawai Perniagaan Kumpulan – Perbankan Runcit, Mizan Masram berkata, Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard Inspire direka agar bersesuaian dengan pengguna kad kredit pertama dengan pengecualian fi tahunan sepanjang hayat.

“Kad ini bukan sekadar satu alat pembayaran. Ia merupakan kunci untuk membuka pintu pelbagai kemungkinan dan memperkayakan pengalaman pengguna. Kami berhasrat untuk mendidik pelanggan dalam pengurusan kewangan yang sihat, pada masa sama membolehkan mereka merasai kenikmatan setiap penemuan penggunaan.”

Pemegang kad juga akan menerima 2X TruPoints bagi pembelian dalam talian dan tiket penerbangan, di samping mata ganjaran tanpa had bagi kesemua pembayaran runcit, sekali gus memberikan lebih nilai untuk setiap transaksi. Mata TruPoints terkumpul boleh ditebus serta-merta dengan mudah di sebarang saudagar Mastercard di Malaysia dan seluruh dunia menerusi aplikasi mudah alih Bank Islam Mastercard Pay with Rewards™.

Selain menikmati ganjaran yang disediakan, Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard Inspire juga menyediakan kelebihan praktikal seperti kemasukan percuma sebanyak dua kali ke Plaza Premium Lounge dan potongan 20% kadar tambang KLIA Ekspres, memberikan kemudahan dan penjimatan kepada pengembara. Pemegang kad juga boleh menikmati pelbagai tawaran dan manfaat menarik daripada Mastercard sepanjang tahun.

Bagi meraikan pelancarannya, Bank Islam menyediakan promosi istimewa mulai 1 Oktober sehingga 31 Disember 2024. Pemegang kad baharu yang membuat permohonan dan mengaktifkan Kad Kredit-i Inspire mereka dengan membuat perbelanjaan minimum RM100 dalam satu transaksi akan menerima baucar Grab bernilai RM30. Baucar berkenaan boleh ditebus dalam aplikasi mudah alih Grab untuk perkhidmatan GrabFood dan GrabRide.

“Sebagai tambahan, sertai kami di acara eksklusif ‘Passport to Inspire’ di Central i-City, Shah Alam dari 26 hingga 29 September 2024. Acara selama empat hari ini akan memaparkan bengkel interaktif, sesi pengurusan kewangan dan peraduan yang menawarkan hadiah-hadiah edisi khas yang menarik. Jangan lepaskan peluang ini untuk bertemu kami dan mengetahui tentang manfaat Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard Inspire,” tambah Mizan.

Untuk maklumat lanjut mengenai Kad Kredit-i Bank Islam Mastercard Inspire, promosi-promosi yang dianjurkan serta permohonan, sila layari laman sesawang www.bankislam.com atau mengunjungi cawangan Bank Islam terdekat.

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari www.bankislam.com.

Sila e-mel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my untuk mendapatkan maklumat tambahan.